



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU DARI  
PERSPEKTIF KOMUNIKATIF**

**ROSMAWATI BINTI TARIDI**

**FBMK 2008 7**



**PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN  
BAHASA MELAYU DARI PERSPEKTIF  
KOMUNIKATIF**

**ROSMAWATI BINTI TARIDI**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2008**



## DEDIKASI

*Buat guru dan guru-guruku*

### **Catatan Seorang Murid**

*Dengan apakah dapat aku nyatakan terima kasih ini ? Dengan kata telah lama ia sering berdusta. Dengan apakah dapat aku nyatakan terima kasih ini ? Dengan **result** semester tentunya banyak mengganggu selesa. Dengan apakah dapat aku nyatakan terima kasih ini ? Dengan hadiah sebesar manapun tak ternilai.*

*Bakti engkau curah : membimbing dan mendidik seorang aku mencari ilmu. Dengan apakah dapat aku nyatakan terima kasih ini ?*

**Nukilan**

**Nassury Ibrahim**

**IPSI, 1988.**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU DARI  
PERSPEKTIF KOMUNIKATIF**

Oleh

**ROSMAWATI BINTI TARIDI  
Januari 2008**

**Pengerusi : Profesor Madya Che Ibrahim Salleh, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan sampel yang terdiri daripada seratus dua puluh lapan orang pelajar Tingkatan Empat yang belajar di sekolah menengah harian di Wilayah persekutuan. Dua buah sekolah kajian yang dipilih sebagai lokasi kajian ialah sebuah sekolah di zon Sentul dan sebuah lagi di zon Keramat, Kuala Lumpur. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kewujudan komponen komunikatif dalam penulisan karangan pelahiran dan pemujuan. Selain itu, kajian ini juga membincangkan gred pencapaian pelajar dalam penulisan karangan bahasa Melayu melalui dua skema pemarkahan, iaitu skema komunikatif dan skema Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pengkaji juga membuat perbandingan pencapaian markah antara dua skema ini dan seterusnya mengesan ketekalan skema analisis karangan yang digunakan dalam kajian ini sebagai garis panduan pemarkahan yang menggunakan skema komunikatif. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji meneroka kecekapan menulis dan menerapkan idea komunikatif Hymes (1972), model komunikatif versi Bachman dan Savignon (1986), serta Model Wacana Lloyd – Jones (1977) pula untuk meneroka kecekapan menulis.

Penaksiran kemahiran menulis dijalankan pada dua tahap dan membabitkan tiga jenis alat utama, iaitu skema analisis karangan, skema pemarkahan komunikatif serta skema Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pada tahap pertama skema analisis karangan dijalankan yang bertujuan untuk mengumpul data kecekapan komunikatif dalam karangan bahasa Melayu. Pada tahap kedua, penggunaan dua versi Skema Komunikatif dan Skema Lembaga Peperiksaan dijalankan untuk menggedkan sampel karangan mengikut kategori pencapaian dan seterusnya membuat perbandingan pencapaian antara kedua-dua skema.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa komponen wacana dan tatabahasa wujud dalam kedua-dua jenis karangan. Tatabahasa merupakan varian utama kecekapan komunikatif dalam kedua-dua jenis karangan. Penggunaan skema pemarkahan komunikatif dan skema Lembaga Peperiksaan Malaysia yang berasaskan pendekatan holistik dalam penaksiran kemahiran menulis menunjukkan jurang perbezaan yang amat kecil antara kedua-duanya. Taburan kekerapan gred pencapaian pelajar meliputi pencapaian tinggi, sederhana dan rendah bagi kedua-dua skema. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skema analisis karangan yang digunakan dalam kajian ini memiliki ketekalan dalaman yang tinggi dengan memperoleh nilai korelasi melebihi 0.90. Selanjutnya pengkaji mengemukakan beberapa implikasi yang boleh dijadikan rujukan oleh masyarakat yang terlibat dalam bidang pendidikan iaitu mereka boleh memantau penguasaan kemahiran menulis pelajar dan seterusnya mengkategorikan pencapaian pelajar. Skema analisis karangan pula boleh digunakan bagi tujuan mengumpul maklumat, khususnya bagi tujuan menyusun

strategi pemulihan karangan yang berlainan wacana. Instrumen penaksiran karangan yang menggunakan rujukan kriteria bukan sahaja tepat dan efisien malah selari dengan perkembangan kurikulum Bahasa Melayu KBSM. Maklumat empiris kajian ini berguna untuk meneliti kualiti keseluruhan karangan dan seterusnya memudahkan pengkategorian perlakuan karangan dilakukan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **THE MASTERING OF MALAY ESSAY WRITING FROM COMMUNICATIVE PERSPECTIVE**

By

**ROSMAWATI BINTI TARIDI**  
**January 2008**

**Chairman : Associate Professor Che Ibrahim Salleh, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study is conducted among the samples that consist of 128 students in form 4 that study at the daily school in Wilayah Persekutuan. Two schools were selected as a location of the research; schools from zone of Sentul and Keramat. The main objective of the study was to identify the communicative components in essays namely persuasive and expressive. This study also discussed about the performance of the students in essay writing through two schemes; Communicative Scoring scheme and Malaysian Examination Syndicate scheme. Researcher also comparing the grade between these two schemes and identify the consistency of the scheme used in this research to be use as a marking guideline that used the Communicative scheme. To achieve this objective, researcher applied a Hymes communicative idea and a Bachman and Savignon (1986) communicative model and also a Discourse Model of Lloyd – Jones (1977) in the evaluation of writing competence.

Writing skills assessment carried out to two-stage and involve three tools; Analysis Scheme Essay, Communicative Marking scheme and Malaysian



Examination Syndcate scheme. In the first stage, analysis scheme essay carried out aims to gather data of communicative competence in essay. At second stage, the use of two versions Communicative Scoring and Malaysian Examination Syndicate scheme is carried out to grade essay sample according to the achievement category and further make the comparison among both scheme.

The findings showed the presence of grammar and discourse in all the two types of essay. Grammar was the main communicative variant in the both type of essay. The usage of Communicative Scoring scheme and Malaysian Examination Syndicate that based on holistic approaches in writing skills assessment scheme shown that there is a very small gap between the two schemes. The frequency scatter of the student achievement consists of high, moderate and low grades for the both of schemes. The findings also shown that the schemes used in this study had a high consistency with a correlation value above 0.90. Then, researcher shown several implications that can be a guidance to the society that involve in education field where they can supervise the level of understanding of students in writing an essay and categorize the students depending on their performance. The essay analysis scheme also can be use to gather information especially for develop a strategy in rehabilitation of essay that differ in discourse model. Fluency essay instruments that utilize criteria orientation not only precise and efficient but parallel with the emergent of the Malay Language Curriculum (KBSM). Empiric information of this study is



useful to verify the quality of the whole essay and therefore the categorizing of essay behavior would be easier.



## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan inayah Nya telah memberikan kesihatan, kekuatan dan keyakinan kepada pengkaji untuk menyiapkan kerja penulisan tesis ini. Ketika menyempurnakan kajian ini banyak pengalaman pahit dan manis yang telah dilalui. Selain itu, pengkaji juga telah mendapat sokongan bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada penyelia tesis ini, Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, yang begitu komited, sabar, dan tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dalam memecahkan kebuntuan pengkaji sehingga pengkaji berjaya menyiapkan tesis ini. Semoga Allah jua yang dapat membalas jasanya yang sedia membantu demi menegakkan pohon ilmu dan menimbunkan lagi daunan pengetahuan pengkaji.

Pengkaji juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang sentiasa sedia menaburkan benih ilmu terhadap pelajar seliaannya. Selain itu, ucapan terima kasih juga dirakamkan buat semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu untuk menyuburkan lagi ladang ilmu pengkaji sepanjang tempoh pengajian pengkaji.

Buat Allahyarham ayahanda, bonda dan keluarga yang dicintai, doa dan restu kalian telah menambahkan lagi keberkatan ilmu yang ditimba. Doa dan harapan bonda yang ikhlas menadah dan membariskan doa sepenuh hati telah meningkatkan bekalan keyakinan anakanda dan hikmah ilmu yang dituntut.

Istimewa buat suami yang sentiasa mengingatkan diri ini akan tanggungjawab menyiapkan tugas, amat memahami dan menjadi pendorong kepada pengkaji bagi terus mengutip mutiara kejayaan. Pimpinanmu menjadi penyuluh pencarian untuk meraih sebuah kejayaan.

Akhir kata, semoga kajian ini mendatangkan manfaat kepada yang menimba ilmu dengan mudah-mudahan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya dalam usaha memperkaya khazanah bahasa yang tercinta.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 3 Januari 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rosmawati binti Taridi untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu dari Perspektif Komunikatif” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Arba’ie Sujud, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.  
(Pengerusi)

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.  
(Pemeriksa Dalam)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.  
(Pemeriksa Dalam)

**Zamri bin Mohamad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 1 April 2008



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Che Ibrahim Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 April 2008

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk Ijazah lain di Universiti Putra Malaysia ataupun institusi- institusi lain.

---

**ROSMAWATI BINTI TARIDI**

Tarikh : 12 Februari 2008

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>DEDIKASI</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ix</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>xi</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xix</b>

### BAB

	<b>PENDAHULUAN</b>	
<b>I</b>	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	5
	Penyataan Masalah	11
	Objektif Kajian	20
	Soalan Kajian	21
	Kepentingan Kajian	22
	Batasan Kajian	25
	Definisi Operasional	27
	Kesimpulan	34
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	37
	Konsep Kecekapan Komunikatif	37
	Ciri dan Prinsip Pendekatan Komunikatif	40
	Kajian Berkaitan	43
	Kajian di Luar Negara	44
	Kajian di Dalam Negara	52
	Model Kecekapan Komunikatif	55
	Model Wacana	65
	Kesimpulan	67
<b>III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
	Masa Penyelidikan	72
	Tempat Penyelidikan	72
	Reka Bentuk Penerokaan Komponen Komunikatif	74
	Alat Kajian	81
	Latar Pembinaan Alat	85
	Kerangka Pembinaan Alat	96
	Prosedur Pembinaan Alat	100
	Kajian Rintis	104



	Pemungutan Data	105
	Prosedur Penganalisan Data	110
	Kesimpulan	111
<b>IV</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	112
	Analisis Dapatan	113
	Objektif Satu : Penggunaan Bahasa dalam Karangan Pelahiran Berdasarkan Ciri Komponen Komunikatif iaitu Kecekapan Wacana dan Kecekapan Tatabahasa	113
	Objektif Dua : Taburan Gred Perlakuan Karangan Mengikut Skema Pemarkahan	130
	Objektif Tiga : Ketekalan Skema Analisis Karangan Penandaan Karangan Pelajar Bagi Menyerlahkan Komponen Komunikatif	138
	Objektif Empat : Gred Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan Antara Dua Buah Sekolah Berdasarkan Pemarkahan Komunikatif dan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia	145
	Dapatan Kajian Yang Lalu dan Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	151
	Kesimpulan	166
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>	
	Implikasi Dapatan Kajian	167
	Kesimpulan	171
	Cadangan Penambahbaikan	174
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	178
	<b>LAMPIRAN</b>	183
	<b>BIODATA PENULIS</b>	233



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan Item Kecekapan dan Skala Peringkat dalam Skema Analisis Karangan Pemujukan (AWAL).	92
2	Taburan Item Kecekapan dan Skala Peringkat dalam Skema Analisis Karangan Pelahiran (AWAL).	93
3	Sampel Karangan Mengikut Jenis Karangan Bagi Tahap I	95
4	Sampel Karangan Mengikut Jenis Karangan Bagi Tahap II	111
5	Peratus Analisis Faktor Karangan Pelahiran dengan Kekekapan Penggunaan Skala	118
6	Peratus Analisis Faktor Karangan Pemujukan (AWAL) dengan Kekekapan Penggunaan Skala.	125
7	Taburan Kekekapan Gred Perlakuan Karangan Pelahiran yang Diperiksa dengan Skema Komunikatif	130
8	Taburan Kekekapan Gred Perlakuan Karangan Pemujukan yang Diperiksa dengan Skema Komunikatif	131
9	Taburan Kekekapan Gred Perlakuan Karangan Pelahiran yang Diperiksa dengan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia	132
10	Taburan Kekekapan Gred Perlakuan Karangan Pemujukan yang Diperiksa dengan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia	133
11	Korelasi Skema Analisis Karangan Pelahiran (AWAL) dengan Komponen Skema	140
12	Korelasi Skema Analisis Karangan Pemujukan (AWAL) dengan Komponen Skema	141

13	Korelasi Skema Analisis Karangan Pelahiran (AKHIR) dengan Komponen Skema	142
14	Korelasi Skema Analisis Karangan Pemujukan (AKHIR) dengan Komponen Skema	143
15	Gred Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan Pelahiran di Sekolah A Berdasarkan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Skema Komunikatif	146
16	Gred Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan Pemujukan di Sekolah A Berdasarkan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Skema Komunikatif	147
17	Gred Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan Pelahiran di Sekolah B Berdasarkan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Skema Komunikatif	148
18	Gred Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Karangan Pemujukan di Sekolah B Berdasarkan Skema Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Skema Komunikatif	149
19	Kekerapan Penggunaan Bahasa Aspek Wacana dalam Karangan Pelahiran	152
20	Kekerapan Penggunaan Bahasa Aspek Tatabahasa dalam Karangan Pelahiran	153
21	Kekerapan Penggunaan Bahasa Aspek Wacana dalam Karangan Pemujukan	154
22	Kekerapan Penggunaan Bahasa Aspek Tatabahasa dalam Karangan Pemujukan	155
23	Gred Purata / Piawai Perlakuan Minimum Mengikut Jenis Karangan Berdasarkan Skema Komunikatif	158
24	Gred Purata / Piawai Perlakuan Minimum Mengikut Jenis Karangan Berdasarkan Lembaga Peperiksaan Malaysia	159

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Hubungan antara Kecekapan Sociolinguistik dan Kecekapan Strategik Sebelum Kecekapan Linguistik diperolehi	47
2	Hubungan Antara Kecekapan Komunikatif dengan Kecekapan Linguistik Berdasarkan Model Allwright	48
3	Model Kecekapan Berbahasa Komunikatif Backman dan Palmer	59
4	Pemboleh ubah Tahap I	76
5	Pemboleh ubah Tahap II	77
6	Prosedur Pembinaan Alat	102-103

## SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
C.E.C	Crescent English Course
SPSS	The Statistical Package for Social Science
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

Di Malaysia, bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar ilmu sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diwartakan dalam Perlembagaan Persekutuan manakala kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pula diwartakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pula diwartakan dalam Akta Pendidikan dan kemudian dalam Akta Pendidikan 1996. Kedudukan istimewa yang diberikan kepada bahasa Melayu ini berkaitan erat dengan proses pembinaan negara Malaysia sebagai “Negara Baharu”. Proses pembinaan negara ini bermaksud proses pewujudan negara bangsa yang berasaskan jati diri setempat dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Dalam konteks ini, bahasa Melayu dijadikan unsur pembinaan jati diri rakyat Malaysia dan juga sebagai unsur perpaduan semua kaum.

Peranan yang dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan amat penting dalam memelihara kestabilan masyarakat dan negara. Bahasa Melayu bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai alat untuk

menyatupadu dan mengharmonikan hubungan antara pelbagai kaum di negara ini. Hal ini pernah ditegaskan oleh Asmah (1982 : 22):

*Banyak faktor boleh dinyatakan bagi pembentukan rakyat yang bersatu padu, seperti agama, budaya dan bahasa. Daripada yang tiga ini bahasa adalah dan telah terbukti sebagai faktor yang paling berkesan.*

Tanpa satu bahasa rasmi yang sama-sama difahami secara jitu dan menyeluruh, perpaduan dalam kalangan rakyat berkemungkinan besar sukar untuk dicapai. Bahasa Melayu bukan sahaja berperanan sebagai wahana komunikasi, tetapi juga sebagai penentu dalam menjamin keharmonian masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, bahasa Melayu yang menjadi wahana perhubungan rakyat sewajarnya dikuasai oleh semua rakyat Malaysia. Kemajuan ekonomi yang telah dan bakal dinikmati akan menjadi hambar dan sia-sia tanpa perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat.

Dalam melaksanakan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan, proses pembinaan bahasa dan penggunaannya oleh masyarakat menjadi matlamat terpenting. Bahasa Melayu yang telah dikembangkan tidak bererti apa-apa selagi tidak digunakan oleh ahli masyarakatnya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah perancang bahasa Melayu di Malaysia telah mengadakan usaha yang tegas untuk meluaskan penggunaannya kerana dalam masyarakat yang berbilang bahasa, peranan bahasa Melayu perlu dipermantap lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan.

Selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di semua sekolah kerajaan. Hal ini bermakna bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Malaysia selain menjadi satu mata pelajaran tunggal yang diwajibkan lulus untuk mendapat sijil penuh dalam peperiksaan awam. Menyedari hakikat ini, semua pelajar di sekolah menengah perlu menguasai bahasa Melayu supaya mereka lulus mata pelajaran ini pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kegagalan dalam mata pelajaran ini akan menyebabkan calon gagal memperoleh sijil penuh.

Sehubungan itu, tidak hairanlah dunia pendidikan di negara ini mengalami perkembangan pesat, terutama dalam era reformasi pendidikan, kemajuan teknologi maklumat, globalisasi, revolusi pengetahuan, revolusi pengurusan, k-ekonomi, dan sebagainya menyebabkan pendekatan bersepadu pendidikan bahasa Melayu dijadikan sebagai terjemahan serta realisasi falsafah pendidikan negara diberi tumpuan utama. Pengurusan pendidikan dan profesion keguruan dalam konteks ini menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan perubahan “mindset,” sikap, dan nilai, pengetahuan dan kemahiran serta kualiti ke arah pembangunan manusia dan bertanggungjawab untuk merealisasikan matlamat serta kehendak negara.

Matlamat pendidikan negara telah dijelaskan dalam kurikulum mata pelajaran bahasa Melayu bagi sekolah rendah dan menengah oleh Bahagian Perancangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum tersebut menggariskan

bahawa pengajaran yang lengkap, iaitu aspek kenahuan dan kecekapan berbahasa ditafsir dan diajar sebagai dua aspek kebahasaan yang saling melengkapi. Matlamat program pengajaran bahasa Melayu adalah untuk mewujudkan golongan pelajar yang berketrampilan dalam penggunaan bahasa Melayu, sama ada dari segi kemampuan menghasilkan output bahasa ataupun dari segi ketepatan dalam pemahaman input bahasa ataupun dari segi ketepatan dalam pemahaman input (*Zulkifley Hamid, 2005: 2*)

Dalam melaksanakan dasar negara, pendidikan dan profesion keguruan memikul tanggungjawab memberi pendidikan berkualiti, membentuk masyarakat berpengetahuan, dan produktif sesuai dengan kemajuan dalam era teknologi maklumat. Justeru, pendidik perlu bersedia mengikuti dan mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan untuk membolehkan mereka menjalankan peranan sebagai agen perubahan dalam masyarakat yang sedang maju dan berubah. Inovasi dan idea baharu yang kreatif lagi inovatif yang berlaku dalam sistem pendidikan supaya guru dapat mempelajari, mengaplikasi, dan mengembangkannya sebagai asas untuk membina serta mengembangkan potensi minda pelajar.



## Latar Belakang Kajian

### Latar Belakang Perkembangan Pendekatan Komunikatif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Pengenalan idea komunikatif dalam pengajaran bahasa oleh Hymes melalui artikelnya "*On Communicative Competence*" di dalam buku "Sociolinguistics" (1972) telah membuka perspektif baru bagi pengajaran bahasa dan linguistik. Menurut Hymes, peraturan tatabahasa penting dalam perlakuan bahasa, tetapi perlu mengambil kira faktor situasi dan konteks yang menentukan ketepatan berbahasa (*Hashim Othman, 2003: xix*). Pengguna bahasa yang cekap perlu menunjukkan penguasaan peraturan tatabahasa dan konteks penggunaannya. Di Malaysia, percubaan menerapkan idea komunikatif dalam kurikulum kefasihan berbahasa dapat dilihat dalam strategi penguasaan bahasa pertama (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986 dan 1992*). Walau bagaimanapun, penilaian pengajaran dan pembelajarannya masih tidak memperlihatkan kriteria komunikatif terutama yang membabitkan alat untuk mengukur perlakuan berbahasa (*Hashim Othman, 2003: xix*).

Kepesatan pengaruh aliran komunikatif dapat dilihat dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing di luar negara yang bermatlamatkan kefasihan berbahasa, antaranya ialah bahasa Inggeris (*Hashim Othman, 2003:4*). Pengajaran bahasa Malaysia di sekolah menengah (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992*) Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah (*Kementerian Pendidikan Malaysia 1987*), dan Huraian Sukatan Pelajaran